

0368

B B429 DEB
MAHATHIR - DAP R R R

KUALA LUMPUR, 21 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGUR DAP KERANA CUBA MENGHALANG PILIHAN RAYA AWAL BULAN DEPAN DAN MENYIFATNYA SEBAGAI SATU USAHA +PENAKUT.+ KATANYA TINDAKAN DAP ITU ADALAH AMAT MENGHAIRKAN KERANA SEPATUTNYA MEREKA TIDAK SABAR MENANTI HARI PENAMAAN CALON DAN PENGUNDIAN.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN SEMINAR ANTARABANGSA MENGENAI KOMODITI DI HOTEL SHANGRI-LA DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU PERCAYA TINDAKAN DAP ITU DIAMBIL MUNGKIN KERANA MEREKA BELUM BERSEEDIA UNTUK MENGHADAPI RAKYAT.

+JIKA DAP SEMEMANGNYA BELUM BERSEEDIA UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA, MEREKA JANGANLAH CUBA MEROSAKKAN PERJALANAN PILIHAN RAYA ITU,+ KATANYA.

+SEMUA RAKYAT SEKARANG MENANTI-NANTIKAN PILIHAN RAYA ITU DAN MEREKA MEMANG INGIN SUPAYA IA DIJALANKAN,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.
1155MST 21 07 86

0375

U B432 DEB
MAHATHIR - DAP 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TELAH MEMBERI TEMPOH SECUKUPNYA KEPADA SEMUA PIHAK UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA ITU.

+SEKARANG DAP CUBA BERKATA SEGALA-GALA YANG DILAKUKAN SEKARANG ADALAH SALAH,+ KATANYA SEBAGAI MENGULAS LANGKAH DAP MEMOHON PERINTAH SEMENTARA DI MAHKAMAH TINGGI DI SINI HARI INI BAGI MENGHALANGI PILIHAN RAYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKIRANYA DAP TAKUT UNTUK BERTANDING +JANGANLAH BERLAWAN.+

SECARA BERSELOROH BELIAU BERKATA BAHAWA SEKIRANYA DAP MASIH BELUM BERSEEDIA, MEREKA SEPATUTNYA MEMBERITAHU KERAJAAN +SUPAYA DAPAT DIUBAH TARIKH PILIHAN RAYA ITU KE TARIKH YANG LAIN.+

MENGENAI KEPUTUSAN BERJAYA KELUAR DARIPADA BARISAN NASIONAL (BN) SEMALAM, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BN BERKATA: +ITU ADALAH HAK MEREKA.+ -- LAGI.
1210MST 21 07 86

0387

U B440 DEB
MAHATHIR - DAP 3 KUALA LUMPUR

KETIKA DITANYA SAMA ADA KEPUTUSAN BERJAYA ITU AKAN MENJEJASKAN PRESTASI BN PADA PILIHAN RAYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK FIKIR KEDUDUKAN BN AKAN TERGUGAT.

BERJAYA, YANG MENJADI ANGGOTA BN PADA 1976, MENGUMUMKAN KELUAR DARI GABUNGAN 14 ANGGOTA ITU SELEPAS MAJLIS TERTINGGINYA BERMESYUARAT DI KOTA KINABALU SEMALAM.

BERJAYA DILAPORKAN TIDAK PUAS HATI DENGAN KEPUTUSAN BN SABAH MEMPERUNTUKANNYA SATU SAHAJA KERUSI PARLIMEN PADA PILIHAN RAYA INI KERANA SEBELUM PEMBUBARAN PARLIMEN SABTU LEPAS, IA MEWAKILI SEMBILAN KERUSI PARLIMEN DI SABAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERUSI YANG DITETAPKAN KEPADA BERJAYA AKAN DIBERIKAN KEPADA ANGGOTA BN YANG LAIN DI NEGERI ITU. DUA LAGI PARTI KOMPONEN BN DI SABAH IALAH PARTI BERSATU SABAH (PBS) YANG AKAN BERTANDING DI 14 KERUSI DAN USNO, DI LIMA LAGI KAWASAN

KEPUTUSAN MENGANINYA MASIH DIRUNDINGKAN, KATANYA. -- BERNAMA.
1236MST 21 07 86